

11 FEB 2003

MOGGIE-SELULAR/I

MOGGIE MINTA PENYEDIA PERKHIDMATAN SELULAR AMBIL PERHATIAN SARANAN PM

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Penyedia perkhidmatan telefon selular dalam negara perlu mengambil perhatian terhadap saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada mereka supaya memperluaskan liputan perkhidmatan mereka, kata Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie.

Ia juga melebihi masa yang ditetapkan bagi memenuhi harapan pelanggan dari segi memperluaskan liputan memandangkan telefon bimbit kini menjadi satu keperluan, katanya.

"Kita harap komen Perdana Menteri secara terbuka mengenai isu ini akan membantu mendesak syarikat-syarikat berkenaan untuk bertindak balas dengan pantas bagi memenuhi harapan pelanggan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan portal Percetakan Nasional Malaysia Bhd (www.printnasiona.com.my) di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai kenyataan Dr Mahathir semalam yang antara lain, menyeru penyedia perkhidmatan telefon untuk memperbaiki liputan perkhidmatan mereka.

Moggie berkata sepatutnya tiada sebarang masalah bagi mereka untuk memenuhi keperluan berkenaan memandangkan keadaan ekonomi telah bertambah baik.

"Saya rasa sebelum ini, pada 1997 dan 1998, beberapa syarikat ini, mengalami masalah kewangan. Sekarang ini (krisis kewangan) telah berakhir dan kita dapat lihat peningkatan dalam senario ekonomi, kehendak keperluan modal yang mereka perlukan sekarang lebih kurang daripada dua tahun lalu. Jadi atas alasan berkenaan, kita mengharapkan mereka menyediakan liputan yang lebih luas dan lebih baik," katanya.

Moggie juga mengingatkan syarikat-syarikat telekom supaya tidak hanya melihat isu berkenaan sebagai persaingan kerana ia bukan pendekatan yang diperlukan di Malaysia.

"Mereka boleh bersaing (dari segi) kualiti perkhidmatan, dalam kadarnya tetapi mereka juga perlu menyediakan liputan untuk semua orang," katanya.

Beliau juga menyarankan supaya pengendali telefon selular supaya mempercepatkan rancangan perayauan domestik dan berkongsi menara pemancar bagi mengatasi halangan liputan perkhidmatan. -- BERNAMA

NM SHY NHD